

PM: Kemasukan golongan muda proses biasa

J.M - 3 NOV 1993

P
KUALA LUMPUR 2 Nov.
— Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menganggap kemasukan golongan muda dalam barisan pucuk pimpinan tertinggi UMNO merupakan proses biasa demi masa depan parti itu.

Oleh yang demikian kemasukan golongan ini dalam parti tidak harus dilihat sebagai sesuatu yang luar biasa kerana sebagai parti yang mengamalkan demokrasi hal seumpama ini tidak dapat dielakkan daripada berlaku.

Dr. Mahathir berkata demikian selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin di peringkat bahagian di Ibu Pejabat UMNO di sini, hari ini.

“UMNO telah melalui proses ini daripada peringkat pemilihan bahagian hingga ke perhimpunan agung,” katanya.

Mengenai soal pemilihan pucuk pimpinan UMNO kali ini yang disebut-sebut sebagai “era perubahan” beliau berkata: “Saya juga generasi peralihan

yang mewakili golongan muda satu ketika dahulu. Masa berlalu dan golongan muda pada akhirnya akan mengambil alih. Tidak ada pemimpin yang berkuasa selama-lamanya.”

Mengenai pertandingan pucuk pimpinan beliau berpendapat seseorang pemimpin yang berniat baik dan ikhlas seharusnya menerima dengan terbuka sekalipun kekalahan mereka.

Selain pertandingan pada peringkat Ketua Pemuda yang dijangka hangat, perhatian banyak tertumpu pada peringkat Naib Presiden yang menyaksikan pertarungan di antara “Pasukan Wawasan” yang terdiri daripada Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan penyandang jawatan, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid yang menyokong bekas Timbalan Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba.